

SEKOLAH SENI PERKUKUHKAN KAJIAN ETNIK SABAH

Sekolah Pengajian Seni (SPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang ditubuhkan pada 13 April 1999, terus mengukuhkan bidang kajian berteraskan etnik Sabah melalui pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan berterusan yang dilakukan oleh kakitangan akademiknya.

Pengukuhan bidang penyelidikan yang berkaitan dengan etnik di Sabah ini jelas apabila penyelidik yang juga dekan SPS, Prof. Madya Dr. Ismail Ibrahim dan rakan-rakan penyelidik lain telah melakukan kajian secara lebih fokus dan terperinci terhadap satu-satu etnik yang terdapat di Sabah.

Tumpuan dan fokus yang diberikan bertujuan menganalisis secara terperinci setiap etnik yang wujud dengan mengambilkira sejarah dan asal-usul, latar adat dan budaya yang diamalkan dengan tujuan pendokumentasian dan pemuliharaan untuk generasi masa hadapan.

Malah kajian yang dilakukan turut menumpukan secara spesifik hasil kesenian tradisional seperti lagu-lagu rakyat, puisi-puisi tradisional dan upacara ritual yang dijalankan oleh etnik terbabit.

Antara kajian yang telah dijalankan oleh SPS seperti mengkaji warisan tradisi etnik Murut oleh Dr. Ismail Ibrahim dengan hasil kajian tersebut telah diterbitkan dalam bentuk buku pada tahun 2011 menggunakan tajuk Warisan Motif dan Corak Murut.

Selain itu, Dr. Ismail bersama dengan rakan-rakan penyelidik dan kakitangan akademik seperti Humin Jusilin, Azareen Aminullah, Puad Bebit dan Zaimi Sahibil turut mengkaji warisan seni dan budaya suku kaum Bajau di Kepulauan Pesisir yang dijangka akan diterbitkan pada tahun 2012.

Selain itu, SPS turut melakukan kajian berkaitan

dengan lagu-lagu tradisional suku kaum Brunei di daerah Papar, Bongawan dan Membakut Sabah, perbandingan bentuk dan ragam hias batu nisan di kepulauan pantai timur Sabah serta menjalankan kajian berkaitan bahan dan kaedah pembuatan warna tradisi: Aplikasi dan teknik pewarna kraf Tradisional Borneo.

Antara kajian lain yang telah dilakukan ialah mengenai muzik Orang Sungai di Sungai Kinabatangan, muzik dan tarian suku kaum Lundayeh di pantai Barat Sabah, kajian mengenai sundait suku kaum Kadazan Dusun dan konsep muzik bamboo yang terdapat di Sabah dalam pengajaran dan pembelajaran muzik.

Bagi memastikan penyelidikan berteraskan etnik Sabah ini dilakukan secara berterusan, para pelajar pascasiswazah yang mengikuti pengajian di sekolah tersebut juga digalakkan untuk melakukan kajian di peringkat sarjana atau PhD dalam bidang yang berkaitan dengan etnik Sabah.

Malah para pelajar tahun akhir contohnya digalakkan untuk menjalankan projek akhir dengan menghasilkan mini tesis yang berkaitan dengan pelbagai bidang kesenian pelbagai etnik di Sabah.

Seiring dengan langkah tersebut juga, SPS yang kini mempunyai kira-kira 552 orang pelajar di peringkat ijazah pertama juga sedang merancang dan melaksanakan penubuhan unit penyelidikan khusus yang akan menjalankan kajian dalam bidang berkaitan etnik yang akan menjadi bidang tujahan SPS.

Unit penyelidikan yang dikenali sebagai Unit Penyelidikan Warisan Kesenian Borneo diharap dapat memantapkan lagi peranan dan fungsi SPS dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Menurut Dr. Ismail Ibrahim, selain menjalankan



penyelidikan, unit tersebut juga akan berfungsi untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan menjadi produk-produk pelancongan dan juga produk kreatif seperti penerbitan drama dan filem, penerbitan buku dan majalah, cenderamata dan gubahan muzik.

Katanya, pelbagai bidang kesenian yang berteraskan dan berkait rapat dengan masyarakat Borneo terutama di Sabah seperti adat-istiadat, bahasa, seni persembahan, seni tampak, tradisi lisan merupakan keunikan yang boleh dikaji dan ditonjolkan menjadi produk pelancongan.

"Di samping mendokumentasikan pelbagai aspek kesenian, kita harus memastikan aspek tersebut berpotensi untuk dijadikan produk

pelancongan yang seterusnya dapat menjana hasil pulangan ekonomi bagi faedah masyarakat setempat," katanya.

Selain itu, kata Dr. Ismail lagi, unit penyelidikan tersebut diharap dapat mengemaskini dari masa ke semasa data-data terbaru berkaitan dengan kesenian Borneo melalui aktiviti penyelidikan yang dijalankan bagi memastikan unit tersebut menjadi pusat rujukan sehati kepada para pelajar dan penyelidik yang lain.

"Melalui unit tersebut, SPS akan terus meneroka penyelidikan berteraskan etnik melalui kerjasama antara institusi atau negara yang mempunyai minat dan objektif penyelidikan yang sama," kata Dr. Ismail.